
PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK

MESYUARAT AGUNG YANG KE - 7

8hb Ogos 1997

**Laporan Tahunan dan Penyata Kira-kira bagi tempoh
1hb Januari 1996 - 31 hb Disember 1996**

Y.Bhg Tan Sri / Dato' / Tuan / Puan,


NOTIS MESYUARAT AGUNG KE-7

Adalah saya dengan hormatnya memaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Ke-7 Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik akan diadakan pada :

Tarikh : Hari Jumaat, 8hb Ogos, 1997.
Jam : 5:30 petang
Tempat : Rumah Kelab PPTD,
515 Persiaran Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur
Telefon : 293 0336, 291 7828

AGENDA

1. Melantik Pengerusi Mesyuarat
2. Melantik dua orang Setiausaha Mesyuarat
3. Ucapan Presiden.
4. Mengesahkan peringatan Mesyuarat Agung Tahunan yang Ke-6 yang telah diadakan pada 10 hb Jun, 1996.
5. Membentang dan menerima Laporan Kemajuan Tahunan.
6. Membentang, menerima dan meluluskan Penyata Kira-kira yang telah diodit.
7. Melantik : i) seorang Presiden
ii) seorang Timbalan Presiden
iii) seorang Naib Presiden
iv) seorang Setiausaha Kehormat
v) seorang Bendahari Kehormat
vi) 6 orang Ahli
8. Melantik dua orang Pemeriksa Kira-Kira
9. Membincang usul-usul yang telah diterima oleh Urusetia seminggu sebelum Mesyuarat Agung dijalankan dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja)
10. Ucapan penangguhan.


.....
Dato' Abu Bakar Hj. Mohd Said
Setiausaha Kehormat

Nota :

1. Kehadiran.

Sila mengesahkan kehadiran Y. Bhg Tan Sri / Dato' / Tuan melalui telefon kepada Encik C Ayadurai, Tel No. 2551955 atau Y. Bhg Dato' Abu Bakar Said, Tel No. 7196206.

2. Proksi.

Mengikut peraturan Bab VIII, Fasal 10(d), kehadiran dalam Mesnyurat Agung Tahunan boleh dilakukan sendiri ataupun secara proksi bertulis oleh ahli-ahli. Seorang ahli tidak boleh memegang lebih dari satu proksi.

3. Borang Proksi adalah P1. dan jika tidak dapat hadir sila tanda tangan dan kembalikan borang proxi supaya saya dapat melantik ahli yang boleh membawa proxi ini.

4. Ahli-ahli yang telah menjelaskan yuran tahunan sehingga 1997 sahaja boleh mengundi dalam menyuarat Agong. Sila jelaskan yuran masing-masing jika belum.

PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK
(PTD ALUMNI)

June 28, 1996

Minit Mesvuarat Agung Tahunan Keenam Persatuan Alumni Pegawai
Tadbir & Diplomatik Yang Diadakan Pada Hari Isnin
10hb Jun 1996. Jam 5.30 Petang Di Urusetia.PPTD
515, Jalan Persiaran Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur

Yang Hadir

1. Y.Bhg Tan Sri Abdullah Mohd Salleh
2. Y.Bhg Tan Sri Osman S Cassim
3. Y.Bhg Dato Abdul Rahim Mohamed
4. Y.Bhg Dato' Abu Bakar Said
5. Y.Bhg Dato' Mohd Noor Ismail
6. Y Bhg Tan Sri Sallehuddin Mohamed
7. Y.Bhg Tan Sri Elyas Omar
8. Y.Bhg Dato Kamaruddin Mahmood
9. Y.Bhg Dato' Hj Ahmad Saadi
10. Y.Bhg Dato' Baharuddin Musa
11. Y.Bhg Dato' (Dr) M. Shanmugalingam
12. Y.Bhg Datuk Mohd Feisol Hassan
13. Y.Bhg Dato' Syed Zainal Abidin Jamalullai
14. Encik Rommel Josef
15. YM Tunku Tan Sri Ngah Mohamed

Proksi

1. Y.Bhg Tun Hj Syed Zahiruddin bin Syed Hassan
2. Y.Bhg Tan Sri Thong Yaw Hong
3. Y.Bhg.Dato' Hj Osman Khairuddin Mohd Som
4. Y.Bhg Dato' Hj Mohamad B Y. A. Raof
5. Y.Bhg Tan Sri Radin Soenarno
6. En Abdul Aziz Mahmud

7. En Lee Cheng Yan
8. YM Raja Zainal Abidin Raja Hj Tachik
9. En Mohd Senawi Hj Zainuddin
10. Tuan Hj Azmil b Hj Mohd Daud

1. **Pengerusi**

Para hadirin telah melantik Y.Bhg. Tan Sri Abdullah Mohd Salleh dengan sebulat suara sebagai Pengerusi Mesyuarat.

2. **Setiausaha**

Para hadirin telah melantik Y.Bhg Dato Abu Bakar Hj. Mohd Said dan Y Bhg Dato (Dr) Shanmugalingam dengan sebulat suara sebagai Setiausaha Mesyuarat.

3. **Ucapan Presiden**

- 3.1. Y.Bhg. Tan Sri Pengerusi sebagai Presiden PTD Alumni mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih atas kehadiran ahli-ahli sekalian. Beliau berdukacita atas bilangan ahli yang dapat hadir mesyuarat.
- 3.2. Y.Bhg Tan Sri mengingatkan bahawa satu daripada tujuan ditubuhkan Persatuan Alumni ialah bagi membolehkan bekas pewartai-pegawai PTD berjumpa dan mengiratkan silaturahmi. Walau bagaimanapun nampaknya ahli-ahli tidak mengambil kesempatan peluang yang diberi, misalnya kehadiran di ceramah-ceramah yang diatitkan oleh Jawatankuasa adalah amat mendukacitakan. Jawatankuasa juga telah berusaha untuk menganjur satu permainan Golf, itu pun tidak dapat sambutan.
- 3.3. Saperti semua sedia maklum Alumni telah mewujudkan dua buah syarikat dengan tujuan memulakan perniagaan. Tetapi kedua-dua ini tidak dapat bergerak kerana tidak ada modal dan pegawai-pegawai pesara tidak ada "influence" atas mereka yang sedang bertugas atau pun dengan ketua-ketua corporate. Saperti diluluskan pada Mesyuarat Agong yang lepas kedua-dua syarikat itu telah di jual tanpa kerugian kepada Alumni.
- 3.4. Dengan itu beliau bermulakan mesyuarat.

4. **Megesaahkan Minit Mesvuarat Agung kelima**

Para hadirin telah mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan yang Kelima yang telah diadakan pada 12 Jun 1995 dengan sebulat suara atas cadangan Y.Bhg Dato Kamaruddin Mahmood dan disokong oleh Y.Bhg Dato' Syed Zainal Abidin.

5. **Menerima Laporan Kermajuan Tahunan**

5.1. Tan Sri Pengerusi memberitahu bahawa laporan itu tidak mengadungi banyak aktiviti. Beliau berdukacita bahawa ahli-ahli tidak menyokong Alumni. Mereka sukar menghadiri mesyuarat Agung yang diadakan setahun sekali.

5.2. Selepas itu para hadirin meluluskan dengan sebulat suara laporan tahunan atas cadangan Y Bhg. Dato' Kamaruddin Mahmood dan disokong oleh Y Bhg Tan Sri Elyas Omar selepas sedikit pindaan dibuat mengenai bilangan keahlian Persatuan.

6. **Meluluskan Penyata Kira-Kira Tahunan**

6.1. Tan Sri Pengerusi menarik perhatian ahli-ahli terhadap penyata kira-kira. Didapati Alumni mengalami kerugian tiap-tiap tahun. Ini boleh diatasi jika semua ahli dapat menjelaskan yuran tahunan dan beliau merayu kepada semua ahli berbuat demikian.

6.2 Beliau juga mencadangkan semua ahli menukar taraf keahlian masing-masing dan menjadi ahli seumur hidup. Beliau juga meminta Ahli Jawatankuasa mencari jalan untuk mengutip yuran tahunan daripada mereka yang belum menyelesaikan yuran masing-masing.

6.3 Selepas itu mesyuarat telah meluluskan Penyata Kira-Kira Tahunan yang telah di oditkan dengan sebulat suara atas cadangan Y Bhg Tan Sri Sallehuddin dan disokong oleh Y.Bhg Dato Ahmad Saadi.

7. **Membincangan Usul-Usul**

- 7.1. Setiausaha telah memberitahu bahawa beliau tidak menerima apa-apa usul. Walaupun demikian Y.Bhg Tan Sri Pengerusi menjemput pandangan ahli-ahli mengenai apa sahaja untuk kebaikan Alumni.
- 7.2. Beliau meminta padangan para hadirin mengenai penglibatan Alumni dalam perkara-perkara yang menjadi "concern of everyone today", seperti:-
- 1). "KL Linear City Project"
 - 2). Alam Sekitar
 - 3). Projek Bakun

Ahli-ahli bersetuju pada dasarnya bahawa Alumni boleh mengemukakan pandangannya kepada "appropriate authority" dan meminta Jawatankuasa Kerja membincangkannya.

- 7.3. Y.Bhg Tan Sri Sallehuddin mencadangkan bahawa Jawatankuasa perlu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meningkatkan bilangan ahli dan kegiatan Alumni, supaya boleh diterima sebagai satu badan yang berpengaruh.

8. Penutupan

Y. Bhg Tan Sri Pengerusi menanggukahkan mesyuarat pada jam 6.45 petang dengan ucapan terima kasih kepada para hadirin sekalian dan khasnya kepada Y.Bhg Datuk Feisol Hassan dan Y.Bhg Dato' Abdul Rahim Mohamed kerana mereka telah mengambil alih PTD Holding dan PTD Konsult tanpa kerugian kepada Alumni.



(Dato Abu Bakar Hj. Mohd Said)
Setiausaha Kehormat



(Tan Sri Abdullah Mohd Salleh)
Presiden



(Dato Abu Bakar Hj Mohd Said)
Setiausaha Kehormat

**PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK
(PTD ALUMINI)
BIL. PENDAFTARAN : PPM/WP/1302/88**

LAPORAN TAHUNAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31.12.1996.

1. PERMULAAN

Sekali lagi saya dengan sukacitanya mengambil kesempatan ini untuk melaporkan atas segala kegiatan-kegiatan yang telah dijalankan sehingga 31hb Disember 1996

2. PENUBUHAN ALUMNI

Alumni ini telah didaftar pada 1991 dan ianya berusia 7 tahun. Tujuan Alumni ini seperti dalam perlembaangannya adalah :-

- a) Membantu usaha kerajaan untuk mengeratkan lagi hubungan sektor awam dan sektor swasta
- b) Membantu di dalam pelaksanaan dan pencapaian dasar-dasar kerajaan dengan mengadakan forum-forum yang aktif bagi tujuan ini.
- c) Memberi pandangan dan pendapat serta lain-lain kemahiran yang difikirkan perlu kepada kerajaan dan lain-lain pihak.
- d) Menambah usaha kerajaan di dalam membangunkan ekonomi negara dengan membawa masuk pelabur-pelabur asing , kepakaran dan ahli-ahli perunding
- e) Membantu ahli menjadi aktif di dalam bidang ekonomi dan sosial negara
- f) Mengeratkan hubungan di antara ahli-ahli untuk kepentingan bersama terutama didalam hal-hal ekonomi dan kebajikan sosial

3. AHLI-AHLI JAWATANKUASA KERJA

Dalam Mesyuarat Agung Tahunan pada 12hb. Jun 1995, ahli-ahli seperti di bawah telah dilantik dengan sebulat suara untuk memegang jawatan masing-masing selama dua tahun seperti diperuntukkan dalam perlembangan :-

Presiden	:	Y.Bhg. Tan Sri Abdullah Mohd Salleh
Timbalan Presiden	:	Y.Bhg. Tan Sri Osman S. Cassim
Naib Presiden	:	Y.Bhg. Dato Abdul Rahim Mohamad
Setiausaha Kehormat	:	Y.Bhg. Dato Abu Bakar Hi Mohd Said
Bendahari kehormat	:	Y.Bhg. Dato Mohd Noor Ismail
Ahli-ahli	:	Y.Bhg. Dato Bahuruddin Musa
	:	Y.Bhg. Dato Mohd. Feisol Hassan
	:	Y.Bhg. Dato (Dr) M. Shanmulingam
	:	Tuan Haji Azmil Hj Mohd Daud
	:	Tuan Haji Saadullah Suhaimi
	:	Y.Bhg. Datuk Rommel Josef

4. JURUAUDIT

Juruaudit yang telah dilantik dalam Mesyuarat Agung pada 12 hb, Jun 1995 untuk bertugas selama dua tahun adalah :

- a) Y.Bhg. Dato Wan Mansor Abdullah
- b) Y.Bhg. Dato Syed Zainal Abidin Jamalullail

5. MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA

Jawatankuasa Kerja telah bermesyuarat beberapa kali untuk menjalankan aktiviti-aktiviti Alumni.

6. JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL

Jawatankuasa Kerja juga telah melantik beberapa Jawatankuasa Kecil untuk mengadakan aktiviti-aktiviti Alumni. Mereka adalah :-

Keahlian	:	Y.Bhg. Dato (Dr) M. Shanmugalingam
Kegiatan sosial	:	Tuan Hj. Azmil Hj. Mohd. Daud
Kewangan	:	Y.Bhg. Dato Mohd Noor Ismail
Projek Khas (Ekonomik & Hal Ehwal Semasa)	:	Y.Bhg. Dato Abdul Rahim Mohamed

7. KEWANGAN

Kedudukan kewangan adalah seperti dicatitkan di dalam penyata kira-kira. Sumber pendapatan pada masa sekarang adalah yuran tahunan sahaja.

8. KEAHLIAN

Kedudukan ahli pada 31hb Disember 1996 * :-

	<u>1995</u>	<u>1996</u>
Bilangan dalam buku daftar	141	142
Status:		
Ahli Seumur Hidup	55	62
Ahli Biasa (up to date)	33	21
Ahli Biasa (in arrears)	47	50
Yang Telah Berhenti	1	3
Yang Meninggal Dunia	5	6

* Semenjak penubuhan Alumni

Adalah diharapkan semua bekas PTD akan mendaftar menjadi ahli dan menjemput rakan masing-masing juga menjadi ahli dan berusaha memajukan persatuan ini.

9. KEGIATAN

KL Linear City

Apabila projek "KL Linear City" diumumkan oleh Kerajaan, banyak bantahan telah dikemukakan oleh pihak-pihak individu dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan. Jawatankuasa Kerja PTD Alumni turut berbuat demikian melalui suatu memorandum kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan memberi beberapa alasan yang munasabah. Walau bagaimana pun, seperti yang diketahui umum, semua bantahan-bantahan telah diketepikan dan Kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan projek ini.

11. PERHUBUNGAN DENGAN PPTD

Perhubungan yang rapat yang sentiasa terjalin di antara pegawai-pegawai yang masih berkhidmat dengan OLD BOYS PTD adalah dilanjutkan dan dikekalkan.

12. PENUTUP

Alumni ini merakamkan penghargaannya atas segala sumbangan ahli-ahli dan semua pihak yang telah berusaha untuk menjayakan kegiatan-kegiatannya..



Dato Abu Bakar Haji Mohd Said
Setiausaha Kehormat


PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
(PTD ALUMNI)

LAPURAN JURUAUDIT

Kami telah auditkan Kunci Kira-kira tersebut dan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan berkenaan dengan akaun Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik bagi tahun berakhir pada 31 Disember 1996.

Mengikut pendapat kami, Kunci Kira-kira tersebut dan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bersama dengan catatan-catatan kepada kira-kira itu adalah mengikut peraturan betul supaya untuk menunjukkan keadaan yang benar dan pemandangan sederhana mengenai Akaun Persatuan tersebut dan mengikut maklumat-maklumat dan penerangan-penerangan yang diberikan kepada kami dan seperti yang ditunjukkan dalam buku kira-kira.


.....
Dato Wan Mansor Abdullah


.....
Datuk Syed Zainal Abidin bin
Syed Abdul Mutalib Jamalullail

.....
Tan Sri Abdullah M. Salleh
Presiden

.....
Dato Abdu Bakar Hj Mohd Said
Setiausaha Kht.

**PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
(PTD ALUMNI)**

BALANCE SHEET AS AT 31 DECEMBER 1996

	<u>1996</u> RM	<u>1995</u> RM
Tunai di Bank	5,180.80	15,798.20
Simpanan Tetap	35,730.78	16,152.72
	<u>40,911.58</u>	<u>31,950.91</u>
Yuran Masuk	7,100.00	7,050.00
Yuran Seumur Hidup	38,100.00	33,600.00
Kekurangan	(4,288.42)	(8,699.09)
	<u>40,911.58</u>	<u>31,950.91</u>


STATEMENT OF INCOME AND EXPENDITURE
FOR THE YEAR ENDED 31 DICEMBER 1996

Pendapatan

	<u>1996</u> RM	<u>1995</u> RM
Yuran Tahunan	1,440.00	2,700.00
Ceramah	266.40	959.25
Faedah Simpanan Tetap	1,578.07	992.96
PTD Holdings & Konsult	6,600.00	
	<u>9,884.47</u>	<u>4,652.21</u>


Perbelanjaan

Pentadbiran	5,001.00	5,116.80
Ceramah	-	820.00
Peti Surat	50.00	50.00
Mesyuarat	422.80	796.40
PTD Holdings & Konsult	-	1,400.00
Berlebihan	4,410.67	(3,530.99)
	<u>9,884.47</u>	<u>4,652.21</u>


DATO MOHD NOR ISMAIL
Bendahari Kehormat

STATEMENT OF RECEIPTS AND PAYMENTS
FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 1996

	<u>1996</u> RM	<u>1995</u> RM
<u>Resit</u>		
Baki dari tahun dahulu	15,798.20	12,522.15
Yuran Masuk	50.00	-
Yuran Tahunan	1,440.00	2,700.00
Yuran Seumur Hidup	4,500.00	7,800.00
Ceramah	266.40	959.25
PTD Holdings & Konsult	6,600.00	
	<u>28,654.60</u>	<u>23,981.40</u>
 <u>Pembayaran</u>		
Pentadbiran	5,001.00	5,116.80
Mesyuarat	422.80	796.40
Ceramah	-	820.00
Peti Surat	50.00	50.00
PTD Holdings & Konsult	-	1,400.00
Simpanan Tetap	18,000.00	
Baki dibawa ke hadapan	5,180.80	15,798.20
	<u>28,654.60</u>	<u>23,981.40</u>


DATO MOHD NOR ISMAIL
Bendahari kehormat

FIXED DEPOSITS (PUBLIC FINANCE, BANGSAR BARU)

<u>FD. RT. NO.</u>	<u>AMOUNT</u>	<u>DUE</u>
532159712	5759.80	04.02.98
532169712	5752.93	04.02.98
532179712	5773.76	04.02.98
532209703	8296.08	19.05.97
532189706	4148.21	19.08.97
444729612	6000.00	19.08.97
	<u>35730.78</u>	